

PANDUAN CUTI TANPA GAJI

1. Atas sebab persendirian yang mustahak [Perintah Am 14 (a) dan (b) Bab C 1974]

1.1. Tempoh : 30 hari bagi tiap-tiap genap tahun perkhidmatan tetapi tidak melebihi 360 hari.

1.2. Syarat kelayakan:

- a) Telah genap berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan.
- b) Telah mengambil semua cuti rehat.
- c) Urusan di luar Malaysia – *tidak boleh ambil sekali lagi sehingga selepas empat tahun cuti yang pertama.*

2. Mengikut pasangan bertugas atau berkursus di dalam atau di luar negeri (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 2005)

2.1. Syarat-syarat:

- a) Pegawai tetap
- b) Pasangan berkhidmat atau berkursus di dalam atau di luar negeri terdiri daripada pegawai Kerajaan, perbadanan awam atau syarikat swasta
- c) Tempoh maksimum: 3 tahun (terus menerus atau berperingkat-peringkat) mengikut yang pendek.
- d) Cuti tanpa gaji yang berikutnya hanya boleh dipohon selepas kembali berkhidmat selama tiga (3) tahun dari tarikh cuti tanpa gaji sebelumnya tamat.
- e) Pegawai dikehendaki melaporkan diri bertugas di Jabatan Pendaftar sebaik sahaja cuti tanpa gaji yang diluluskan itu tamat dengan melengkapkan borang lapor diri setelah tamat cuti tanpa gaji.

2.2. Implikasi:

- a) Tempoh cuti tanpa gaji tidak akan diambil kira untuk faedah pencen
- b) Hilang kekananan
- c) Layak Pergerakan Gaji Tahunan secara isyarat sebanyak 3 kali. Tarikh Pergerakan Gaji adalah tidak berubah
- d) Tempoh percubaan dibekukan
- e) Ikatan perjanjian digantung;
- f) Layak ambil Penilaian Tahap Kecekapan atas biayaan sendiri.